

19/06/2002

Pelaksanaan boleh jejas prestasi Sains, Matematik

PERSATUAN Sains Matematik Malaysia menyifatkan keputusan menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains bukan 'ubat mujarab' untuk mengatasi masalah kelemahan pelajar terutama Melayu menguasai bahasa antarabangsa itu.

Malah penggunaan bahasa berkenaan dikhuatiri akan menimbulkan 'penyakit baru' iaitu prestasi pelajar khususnya di luar bandar dalam dua mata pelajaran terbabit yang ketika ini berada pada tahap sederhana, akan merosot dan bertambah teruk.

Presiden persatuan itu, Prof Madya Dr Mohd Salmi Norani berkata, kerajaan perlu mencari formula baru atau memperkenalkan pendekatan lebih realistik yang tidak menimbulkan masalah baru dalam menangani masalah kelemahan menguasai bahasa Inggeris.

Katanya, antara kaedah itu ialah menggunakan pendekatan baru membabitkan aspek penyampaian guru mengajar bahasa Inggeris kerana ketika ini cara yang diguna pakai masih lemah dan kurang berkesan.

Malah katanya, di sesetengah sekolah terdapat guru mata pelajaran itu yang kurang mahir berbahasa Inggeris dan bergantung sepenuhnya kepada buku teks untuk mengajar.

"Macam mana nak mengajar kalau guru sendiri kurang mahir berbahasa Inggeris. Keadaan seperti itu dikesan berlaku di luar bandar dan tidak hairanlah pelajar kawasan berkenaan menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

"Bahan lain boleh digunakan untuk menarik perhatian pelajar berbahasa Inggeris seperti menggunakan akhbar atau majalah dan menggalakkan mereka (pelajar) berinteraksi antara satu sama lain serta merujuk kepada guru sekiranya tidak faham.

"Tapi, macam mana nak rujuk, jika guru sendiri lemah pengetahuannya," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas laporan akhbar mengenai keputusan kerajaan untuk melaksanakan pengajaran Matematik dan Sains menggunakan bahasa Inggeris di semua peringkat persekolahan mulai tahun depan.

Dalam satu temu ramah yang disiarkan Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengajaran serentak dua mata pelajaran dalam bahasa Inggeris bagi sekolah rendah dan menengah perlu kerana jika ia bermula pada tahun satu, ia akan mengambil masa 11 tahun untuk menampakkan hasil.

Persatuan Sains, Matematik ditubuhkan awal 1970-an dan ketika ini mempunyai 300 ahli kebanyakannya kakitangan akademik institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) serta guru mata pelajaran terbabit.

Antara kegiatan yang dijalankan ialah Program Matematik Desa (Matemadesa) yang bermatlamat memberi pendedahan kepada guru dan pelajar luar bandar kaedah menjawab matematik yang berkesan.

Dr Mohd Salmi berkata, pemantapan bidang kokurikulum juga amat penting iaitu Kementerian Pendidikan hendaklah menggalakkan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Inggeris ketika menyertai kegiatan berkenaan.

Katanya, interaksi berterusan tanpa dipengaruhi perasaan malu mengutarakan pendapat akan mempercepatkan proses pembelajaran dan penguasaan bahasa Inggeris, manakala guru atau pelajar lain yang baik penguasaannya perlu memperbaiki sebutan rakannya yang kurang mahir.

Beliau berkata, sikap sesetengah pelajar Melayu yang suka mengejek rakannya yang lemah penguasaannya perlu dikikis kerana budaya itu akan

menimbulkan kesan kurang baik iaitu pelajar terbabit berasa fobia untuk bercakap kerana takut diejek.

Sementara itu, Kesatuan Kebangsaan Guru-guru lepasan Maktab Semenanjung Malaysia (KKGLMSM) meminta kerajaan mengambil kira keadaan di sekolah luar bandar sebelum melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Timbalan Setiausaha Agungnya, Ab Aziz Abdullah berkata, kebanyakan sekolah di luar bandar mengalami kekurangan bahasa Inggeris yang amat ketara sehingga menjejaskan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran berkenaan.

Selain itu katanya, penguasaan pelajar amat lemah dalam subjek itu menyebabkan guru bahasa Inggeris terpaksa mengajar subjek berkenaan dalam bahasa Melayu.

"Penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar luar bandar terutama di sekolah rendah amat lemah sehinggakan guru tidak boleh menggunakan bahasa Inggeris sebagai pengantar subjek berkenaan.

"Jika kerajaan melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris secara mendadak, saya pasti lebih ramai pelajar luar bandar akan gagal bukan saja subjek Bahasa Inggeris, malah juga Sains dan Matematik," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur semalam.

Ab Aziz berkata, Kementerian Pendidikan patut menambah guru Bahasa Inggeris di luar bandar terlebih dulu dan mengenal pasti atau melatih guru Sains dan Matematik yang fasih berbahasa Inggeris terlebih dulu untuk mengajar mata pelajaran berkenaan.

Selain itu, semua bahan rujukan juga perlu dialih ke bahasa Inggeris, bukan saja buku teks yang digunakan untuk mengajar di sekolah.

Tugas itu, katanya, memerlukan pengemblengan semua pakar pendidikan serta guru dan tidak mungkin dapat dilaksana dalam tempoh singkat kerana dikhuatiri kualitinya tidak seperti yang diharapkan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk A Aziz Deraman yang berada di Langkawi ketika dihubungi berkata, pihaknya belum menerima arahan rasmi daripada Kementerian Pendidikan untuk menterjemah buku teks Sains dan Matematik.

Sehubungan itu, katanya, DBP belum menentukan kategori buku yang akan diterjemah atau diterbitkan dan sama ada ia untuk kegunaan sekolah rendah atau menengah.

Dalam perkembangan berkaitan, sumber dari Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) memberitahu, ketika ini institut berkenaan sedang menterjemah buku teks dua subjek terbabit untuk murid tahun satu mengikut arahan daripada Kementerian Pendidikan.

(END)